


Sungai cetek jejas pendapatan nelayan



Nelayan terpaksa menolak sampan yang tersangkut di kawasan cetek di Jeti Pendaratan Ikan di Kampung Parit Tiga dimana.

[FOTO SUZAINI SULAIMAN /BH]

► Kuala Selangor

Bermalam di lautan dalam bot sementara menunggu air pasang adalah antara cabaran yang terpaksa dihadapi nelayan di kawasan sekitar Jeti Parit Tiga, di Sungai Burong, di sini.

Ia berikutan dasar anak sungai yang semakin cetek akibat pendapan hakisan menyukarkan nelayan yang menggunakan Jeti Parit Tiga keluar masuk untuk menangkap ikan, sejak akhir-akhir ini.

Keadaan itu menjejaskan pendapatan lebih 40 nelayan yang menggunakan jeti berkenaan dan masalah berlanjutan walaupun sudah berkali-kali dibawa ke pengetahuan pihak berwajib.

Tanggung kerugian

Seorang nelayan, Saiful Bahrin Ab Khair, 41, berkata beliau dan beberapa nelayan lain menanggung kerugian apabila kipas enjin kerap rosak akibat dasar sungai yang

cetek dan berpasir.

“Kipas enjin yang melalui kawasan anak sungai di sini sering rosak atau ‘haus’ menyebabkan nelayan terpaksa menanggung kos bernilai ratusan ringgit untuk menukar baharu peralatan itu.

“Apabila air cetek, saya terpaksa bermalam di atas sampan selepas pulang dari laut gara-gara menunggu air pasang,” katanya sambil menambah nelayan juga berhadapan isu harga jualan rendah.

Rakannya, Mohd Ismail Roslan, 42, berkata masalah anak sungai cetek sudah berlarutan sejak setahun lalu dan mendakwa keadaan semakin teruk selepas pelaksanaan kerja baik pulih kunci air kawalan pasang surut berkembar dan kerja berkaitan di jeti terbabit.

“Saya kasihan melihat nelayan tua terpaksa menolak sampan atau bot kecil mereka ketika air cetek dan berpasir menyebabkan mereka terkandas untuk tempoh

lama,” katanya.

Tak tolak pembangunan

Mohd Ismail berkata, nelayan di kawasan ini bukannya mahu menolak pembangunan tetapi jangan sampai menyusahkan mereka yang bergantung sepenuhnya hasil laut.

Beliau berharap benteng sementara dapat dibina segera bagi mengelak hakisan bertambah teruk dan pihak berkaitan mempertimbangkan permohonan nelayan yang mahu mendalamkan dasar sungai sejak dua tahun lalu.

Sementara itu, Pengurus Besar Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) Kuala Selangor, Thazali Sahri, berkata masalah sama turut dibangkit dalam mesyuarat dan perjumpaan dengan agensi berkenaan seperti Jabatan Perairan dan Saliran (JPS) daerah, namun pihaknya dimaklumkan kerja mendalamkan sungai masih belum dilaksanakan.